



## **KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

### **SOALAN LAZIM (FAQ)**

#### **PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB), DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

##### **A. KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS**

##### **1. Bilakah semua pelajar dibenarkan masuk ke kampus untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada kemasukan semester baharu 2021?**

Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu dari semua negara kecuali United Kingdom dibenarkan kembali ke kampus secara fizikal bermula 1 Januari 2021. Manakala, semua pelajar tempatan IPT dibenarkan kembali ke kampus secara fizikal untuk semua Universiti Awam (UA), IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti bermula Mac 2021.

Kemasukan pelajar ke kampus akan dilaksanakan secara berfasa mengikut program pengajian yang ditentukan oleh IPT bagi mengikuti PdP secara hibrid. Bagi pelajar tempatan di zon PKP, kemasukan ke kampus ditangguhkan kecuali pelajar yang berkeperluan dan yang perlu mengambil peperiksaan antarabangsa dan badan profesional. Pelajar perlu mendapatkan surat kebenaran pergerakan bagi merentas negeri atau daerah untuk pulang ke kampus dari IPT berkenaan. Walau bagaimanapun, kemasukan pelajar dari zon Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ke kampus ditangguhkan.

**2. Adakah kos pergerakan pelajar kembali ke kampus akan ditanggung oleh pihak kerajaan?**

**TIDAK.** Kos adalah di bawah tanggungan sendiri.

**3. Adakah kemasukan semula pelajar secara fizikal melibatkan semua IPT?**

**YA.** Semua IPT di bawah KPT termasuk UA, IPTS, politeknik dan kolej komuniti bermula Mac 2021.

**4. Bagaimana dengan proses kemasukan pelajar sedia ada dan baharu yang tinggal di dalam dan luar kampus?**

Perancangan yang teliti bagi memastikan urusan kemasukan pelajar adalah secara berfasa akan dilaksanakan oleh IPT masing-masing.

**5. Bilakah pergerakan pelajar secara berfasa boleh dibuat?**

Pergerakan pelajar ke kampus boleh dibuat seawal pertengahan Februari 2021.

**6. Adakah IPT akan mengeluarkan makluman tarikh kepada pelajar terlibat sebelum dibenarkan pulang ke kampus?**

**YA.** IPT akan mengeluarkan surat panggilan atau pemakluman kepada pelajar bagi memastikan pergerakan pelajar kembali ke kampus lancar.

## **B. AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

### **7. Adakah aktiviti PdP secara bersemuka dibenarkan bagi pelajar yang kembali ke kampus?**

**YA.** Namun, IPT perlu memastikan SOP dipatuhi.

### **8. Bagaimana dengan pembelajaran sepanjang PKP?**

Pembelajaran bagi semua program pengajian diteruskan dengan pembelajaran secara dalam talian sehingga tamat PKP manakala pelajar yang telah berada di kampus perlu kekal di kampus masing-masing.

## **C. AKTIVITI PELAJAR**

### **9. Adakah aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum dibenarkan?**

Semua aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan dan ko-kurikulum tidak dibenarkan dilaksanakan secara bersemuka dan berkumpul bagi UA yang berada dalam kawasan PKP dan PKPB.

Walau bagaimanapun, bagi pelajar IPT yang berada dalam kawasan PKPP, semua aktiviti pelajar boleh dilaksanakan dengan mematuhi SOP yang berkuatkuasa.

Pelaksanaan program/aktiviti secara dalam talian atau platform digital yang bersesuaian adalah digalakkan.

## **D. PUSAT PENGASINGAN**

### **10. Apakah yang dimaksudkan dengan pusat pengasingan?**

Pusat Pengasingan merupakan fasiliti yang disediakan oleh IPT sebagai zon pengawasan bagi memantau tahap kesihatan/risiko pelajar dari zon PKPB sebagai langkah mengawal penularan pandemik COVID-19.

### **11. Siapa yang akan menanggung kos penginapan di pusat pengasingan?**

Kos penginapan di pusat pengasingan akan ditanggung oleh IPT masing-masing.

### **12. Adakah pelajar dari zon PKPB perlu hadir ke kampus?**

**YA.** Walau bagaimanapun, pelajar dari zon PKPB perlu hadir lebih awal bagi menjalani pengasingan selama 10 hari di pusat pengasingan yang disediakan oleh IPT.

## **E. LANGKAH KESELAMATAN**

**13. Adakah pelajar yang berkeperluan dan pelajar yang mengambil peperiksaan antarabangsa serta badan profesional perlu menjalani *swab test* sebelum kembali ke kampus?**

**TIDAK.** Pelajar dalam kategori ini tidak diwajibkan untuk menjalani *swab test* sebelum kembali ke kampus kecuali pelajar yang bergejala.

**14. Bagaimana sekiranya pelajar yang tiba di kampus mempunyai bacaan suhu yang tinggi atau bergejala?**

Pelajar tersebut akan dirujuk ke Pusat Kesihatan Universiti/ Klinik/ Hospital berdekatan untuk menjalani saringan kesihatan yang lebih komprehensif atau menjalani ujian COVID-19 sekiranya keadaan memerlukan.

**15. Apakah langkah keselamatan yang harus diambil oleh pelajar yang tinggal di luar kampus/ rumah sewa?**

Pelajar luar kampus perlu mematuhi SOP yang berkuatkuasa di kawasan masing-masing dan sentiasa mengamalkan pembudayaan norma baharu bagi menjaga kesihatan diri dan mencegah penularan wabak COVID-19.

**16. Adakah pelajar wajib menggunakan aplikasi MySejahtera di kampus?**

**YA.** Pelajar perlu menggunakan aplikasi MySejahtera semasa pulang ke kampus untuk tujuan *contact tracing* pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimanapun, pelajar perlu mematuhi keperluan penggunaan aplikasi selain MySejahtera yang diwajibkan oleh IPT masing-masing.

## F. PELAJAR ANTARABANGSA

### 17. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelajar antarabangsa sebelum pergerakan kembali ke Malaysia?

- i. Kemukakan permohonan kemasukan melalui sistem Education Malaysia Global Services (EMGS) di pautan: [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my);
- ii. Terima surat kelulusan kemasukan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Imigresen (KPI);
- iii. Memuat turun, melengkapkan dan menandatangani *Letter of Undertaking and Indemnity* (LOU) dan mendapatkan Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan;
- iv. Menjalani ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum berlepas ke Malaysia;
- v. Memuat turun aplikasi MySejahtera di telefon pintar dan lengkapkan semua maklumat yang diperlukan tiga (3) hari sebelum ketibaan;
- vi. Pelajar membuat bayaran caj penuh kuarantin dan ujian pengesanan COVID-19 secara dalam talian (*online*) melalui sistem *MySafeTravel*/ Aplikasi MyQr oleh MyEG di pautan [www.myeg.gov.my](http://www.myeg.gov.my) dan mengemukakan slip pembayaran di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA); dan
- vii. Mempamerkan Notis Perjalanan kepada Syarikat Penerbangan semasa mendaftar masuk.

**18. Apakah maklumat - maklumat yang diperlukan sebelum mengemukakan permohonan kemasukan?**

Pelajar adalah dikehendaki untuk mengemukakan maklumat – maklumat seperti berikut:

- i. Nama Penuh;
- ii. Warganegara;
- iii. Nombor Pasport;
- iv. Institusi Pendidikan Tinggi;
- v. Maklumat Pengajian;
- vi. Nombor Telefon;
- vii. Emel;
- viii. Lokasi Keberadaan Pelajar (negara semasa);
- ix. Tarikh dan Maklumat Penerbangan;
- x. Borang persetujuan untuk menanggung kos rawatan dan lain-lain kos berkaitan sekiranya positif COVID-19; dan
- xi. Lain-lain maklumat berkaitan yang diperlukan dari semasa ke semasa.

**19. Adakah pelajar dibenarkan membuat permohonan kemasukan ke Malaysia terus kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)?**

**TIDAK.** Semua permohonan kemasukan ke Malaysia perlu mendapat pengesahan KPT melalui EMGS.

**20. Adakah pelajar dibenarkan memasuki Malaysia tanpa menandatangani Letter Of Undertaking (LOU)?**

**TIDAK.** Hanya pelajar yang menandatangani LOU dan menerima Notis Perjalanan sahaja dibenarkan memasuki Malaysia.

**21. Adakah tanggungan pelajar dibenarkan masuk ke Malaysia sekiranya memiliki Pas Tanggungan masih sah?**

Hanya pelajar sahaja yang dibenarkan masuk. **Semua pemegang Pas Tanggungan masih belum dibenarkan memasuki Malaysia.**

**22. Adakah pelajar antarabangsa perlu mendapatkan surat pengesahan dari pihak Kedutaan sekiranya ingin meninggalkan Malaysia?**

**TIDAK PERLU.** Pelajar hanya perlu mendapatkan surat kebenaran untuk merentas Daerah/Negeri daripada Balai Polis yang berdekatan. IPT diminta untuk membantu pelajar bagi urusan ini.

#### **F (i) UJIAN SARINGAN COVID-19**

**23. Adakah pelajar perlu menjalani Ujian Saringan COVID-19 di negara asal sebelum kemasukan ke Malaysia?**

Pelajar **wajib** membuat Ujian Saringan COVID-19 **tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas** ke Malaysia dan laporan ujian tersebut perlu ditunjukkan kepada pegawai bertugas di PMA semasa ketibaan.

**24. Adakah Laporan Ujian Saringan COVID-19 perlu diterjemahkan ke Bahasa Inggeris?**

**YA.** Hanya Laporan Ujian Saringan COVID-19 yang diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris diterima bagi tujuan pemeriksaan pihak berkuasa semasa ketibaan di Malaysia.



**25. Adakah Keputusan Ujian Saringan COVID-19 yang melebihi tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas diterima di Pintu Masuk Antarabangsa?**

**TIDAK.** Keputusan Ujian Saringan COVID-19 yang melebihi tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas **tidak sah**. Pelajar **wajib** menjalani Ujian Saringan COVID-19 sekali lagi di PMA dan menjalani **kuarantin wajib** selama **sepuluh (10) hari** di stesen kuarantin yang telah ditetapkan.

**26. Bila Ujian Saringan COVID-19 akan dilaksanakan?**

Pelajar perlu menjalani Ujian Saringan RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum ketibaan di Malaysia dan menjalani saringan kesihatan sekali lagi di Kaunter Saringan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di PMA semasa tiba di Lapangan Terbang. Pelajar hanya dibenarkan masuk ke Kaunter Pemeriksaan Jabatan Imigresen Malaysia setelah selesai Ujian Saringan COVID-19 dan pelajar tidak menunjukkan gejala.

**27. Adakah implikasi kos Ujian Saringan COVID-19 ditanggung oleh kerajaan?**

**TIDAK.** Semua implikasi kos Ujian Saringan COVID-19 semasa urusan kemasukan ke Malaysia dan sehingga tamat tempoh kuarantin perlu ditanggung oleh pelajar.

### **F (ii) KUARANTIN**

**28. Adakah pelajar yang kembali dari luar negara perlu menjalani kuarantin wajib sebelum kembali ke kampus?**

**YA.** Semua pelajar dari luar negara dikehendaki menjalani kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan, iaitu selama **tujuh (7) hari** untuk pelajar antarabangsa yang **menunjukkan laporan ujian RT-**

**PCR COVID-19** semasa di PMA dan selama **sepuluh (10) hari** untuk mereka yang **tidak membawa bersama laporan RT-PCR COVID-19**.

**29. Adakah pelajar dibenarkan untuk memilih Stesen Kuarantin?**

**TIDAK.** Stesen Kuarantin akan ditentukan oleh pihak NADMA.

**30. Apakah tanggungjawab pelajar semasa menjalani tempoh kuarantin?**

Pelajar perlu memastikan perkara berikut:

- i. Pelajar menjalani swab ujian kali ke-2:
  - (a) Pelajar yang **telah menunjukkan bukti laporan ujian RT-PCR COVID-19** di PMA semasa ketibaan di Malaysia menjalani swab ujian RT-PCR / RTK Ag COVID-19 **pada hari ke-5 tempoh kuarantin**; dan
  - (b) Pelajar yang **tidak menunjukkan bukti laporan ujian PT-PCR COVID-19** di PMA semasa ketibaan di Malaysia menjalani swab ujian RT-PCR / RTK Ag COVID-19 **pada hari ke-8 tempoh kuarantin**; dan
- ii. Pelajar perlu membuat **penilaian sendiri setiap hari** melalui *Home Assessment Tool* dalam aplikasi MySejahtera selama **14 hari dari tarikh ketibaan**.

**31. Apakah tanggungjawab IPT semasa pelajar menjalani tempoh kuarantin?**

IPT perlu memastikan perkara berikut:

- i. IPT perlu mengenal pasti lokasi Stesen Kuarantin pelajar masing-masing melalui EMGS; dan
- ii. IPT perlu membuat perancangan yang teliti bagi memastikan urusan pengambilan pelajar dari Stesen Kuarantin ke IPT masing-masing berjalan dengan lancar dan teratur.

### 32. Adakah kos kuarantin ditanggung oleh kerajaan?

**TIDAK.** Semua implikasi kewangan ditanggung oleh pelajar.

### 33. Berapakah jangkaan kos yang perlu dibayar oleh pelajar?

CAJ BAGI UJIAN PENGESAHAN COVID-19 DI PINTU MASUK ANTARABANGSA DAN FASILITI KKM	
UJIAN PENGESAHAN COVID-19	FI
RT-PCR	RM250.00
RTK Ag	RM120.00
KOS KUARANTIN	
KOS PENGINAPAN/ PENGOPERASIAN	FI
<b>Kos penginapan</b> (RM150.00/sehari)	RM1,500.00 (kuarantin 10 hari) RM1,050 (kuarantin 7 hari)
<b>Caj Tetap</b> (Pengoperasian Stesen Kuarantin)	RM2,600.00

### 34. Bilakah bayaran Ujian Saringan COVID-19 dan Kos Kuarantin perlu dijelaskan?

Bayaran Ujian Saringan COVID-19 dan Kos Kuarantin perlu dijelaskan sebelum kemasukan ke Malaysia secara dalam talian (*online*) dan slip pembayaran dikemukakan kepada Petugas di PMA. Walau bagaimanapun, pembayaran secara tunai di PMA semasa ketibaan masih dibenarkan sehingga dimaklumkan kelak.

**35. Adakah pelajar dibenarkan bergerak sendiri ke IPT selepas tamat tempoh kuarantin?**

**TIDAK.** Pelajar tidak dibenarkan bergerak ke IPT selepas tamat tempoh kuarantin tanpa pengawasan dan pemantauan IPT.

**36. Adakah pelajar antarabangsa yang telah tamat tempoh kuarantin perlu mendapatkan surat kebenaran dari pihak polis untuk merentas Daerah/Sempadan?**

**TIDAK PERLU.** Pihak NADMA akan memberikan surat pengesahan tamat tempoh kuarantin (*Release Order*) kepada pelajar dan boleh digunakan untuk ditunjukkan kepada petugas Sekatan Jalan Raya (SJR) ketika merentas Daerah/Negeri untuk bergerak ke IPT masing-masing.

**37. Apakah tindakan yang perlu diambil selepas pelajar antarabangsa selesai kuarantin wajib yang ditetapkan oleh NADMA?**

IPT perlu mengambil pelajar yang telah tamat tempoh kuarantin wajib dan meneruskan pengajian di kampus. Surat pengesahan tamat tempoh kuarantin (*Release Order*) boleh digunakan untuk membuat perjalanan merentasi Daerah dan Negeri.

**38. Adakah pelajar antarabangsa perlu menjalani pengasingan di IPT?**

**TIDAK.** Pelajar antarabangsa hanya perlu menjalani kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh NADMA. Pelajar hanya perlu menjalani kuarantin diri sehingga hari ke-14 sebelum dibenarkan hadir ke kelas.

## **F (iii) PELAJAR TRANSIT UNTUK KE SABAH DAN SARAWAK**

### **39. Adakah pelajar transit untuk ke Sabah atau Sarawak perlu menjalani Ujian Saringan COVID-19 di PMA?**

**YA.** Pelajar yang transit di KLIA/KLIA2 dan akan menaiki kapal terbang ke Sabah atau Sarawak perlu menjalani Ujian Saringan COVID-19 di Pintu Masuk Antarabangsa di KLIA/KLIA2.

### **40. Adakah pelajar transit untuk ke Sabah dan Sarawak dibenarkan untuk menjalani kuarantin di Stesen Kuarantin sebaik sahaja tiba di Sabah atau Sarawak atau perlu menjalani kuarantin di Stesen Kuarantin di Semenanjung Malaysia?**

Sekiranya tempoh masa ketibaan pelajar dari luar negara di KLIA/KLIA2 dan jadual penerbangan ke Sabah atau Sarawak **kurang daripada 24 jam**, pelajar akan dibenarkan menaiki pesawat dan menjalani kuarantin di Stesen Kuarantin di Sabah atau Sarawak.

Walau bagaimanapun, sekiranya tempoh masa ketibaan pelajar dari luar negara dan jadual penerbangan ke Sabah atau Sarawak **melebihi 24 jam**, maka pelajar dikehendaki menjalani kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh NADMA di Semenanjung Malaysia (Kuala Lumpur/Selangor/Negeri Sembilan) selama 7 atau 10 hari sebelum dibenarkan untuk meneruskan perjalanan ke Sabah atau Sarawak.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**16 JANUARI 2021**